

KOMPILASI ISU DAN CADANGAN YANG DIBANGKITKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
BAGI TAHUN 2023

MBJ KKDW

BUTIRAN PELAKSANAAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW) TAHUN 2023

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	Tempat	Pengerusi
1/2023	22 Mac 2023	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KPLB	YBrs. Encik Mohd Kamal bin Husin
2/2023	31 Julai 2023	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KKDW	YBrs. Encik Mohd Kamal bin Husin
3/2023	7 November 2023	Heritage Hotel, Cameron Highlands, Pahang	YBrs. Encik Mohd Kamal bin Husin

JUMLAH ISU/CADANGAN MENGIKUT KATEGORI
YANG TELAH DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
TAHUN 2023

KATEGORI ISU	BILANGAN ISU/CADANGAN			
	1/2023	2/2023	3/2023	JUMLAH
Kewangan dan Kemudahan	2	0	1	**3**
Pentadbiran	3	3	0	**6**
Sumber Manusia	3	0	1	**4**
Kebajikan	2	2	0	**4**
Inovasi dan Produktiviti	1	3	0	**4**
Hal-hal Lain	3	1	1	**5**
JUMLAH	**14**	**10**	**3**	**26**

SENARAI ISU/CADANGAN YANG TELAH DIBINCANGKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
TAHUN 2023

KATEGORI : KEWANGAN DAN KEMUDAHAN

JUMLAH ISU/CADANGAN : 3

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1	**Maklumbalas Mengenai Tuntutan Bil Telefon**	Pihak Pekerja memaklumkan bahawa hanya Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (UD) di bawah Sektor Dasar sahaja yang diluluskan untuk tuntutan bayaran balik bil telefon bimbit untuk para pegawai. Manakala bahagian-bahagian lain di bawah Sektor Dasar seperti Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti (EK) dan Bahagian Komuniti Desa (KD) tidak diluluskan permohonan. Pihak pekerja ingin mencadangkan agar kelulusan tersebut turut diberikan kepada bahagian-bahagian lain di bawah Sektor Dasar kerana pegawai-pegawai di bahagian berkenaan juga turut menggunakan telefon bimbit peribadi untuk urusan-urusan rasmi yang melibatkan pelanggan masing-masing. SUB KEW memaklumkan penentuan kelayakan adalah mengikut Deskripsi Tugas (JD) yang disyorkan oleh Bahagian Pengurusan Manusia	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 1/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		berdasarkan kepada Surat Pekeliling Ketua Setiausaha (SPKSU) Bilangan 4 Tahun 2022 - Garis Panduan Permohonan Tuntutan Bil Telefon Bagi Pegawai-Pegawai Kementerian Pembangunan Luar Bandar. YBrs. Tuan Pengerusi memohon bahagian-bahagian yang tidak tersenarai seperti mana dinyatakan di dalam SPKSU tersebut untuk mengemukakan permohonan beserta justifikasi yang bersesuaian untuk dipertimbangkan kelulusan. Sekiranya permohonan tersebut diluluskan, peruntukan tuntutan ini adalah mengikut peruntukan bahagian masing-masing.	
2	**Cadangan Untuk Membuat Hebahan Kepada Warga Mengenai Tuntutan Parking Berbayar**	Pihak Pekerja memaklumkan bahawa tuntutan letak kenderaan telah diluluskan dan semua warga yang meletak kenderaan di tempat letak kenderaan berbayar boleh membuat tuntutan sebanyak RM90 sebulan. Pihak Pekerja mencadangkan agar Bahagian KEW untuk membuat hebahan kepada warga di Kementerian mengenai kaedah tuntutan tersebut Bahagian KEW memaklumkan Prosedur tuntutan bayaran balik letak kenderaan telah diemelkan kepada Setiausaha Bahagian/ Ketua Unit pada 9 Mac 2023 untuk proses selanjutnya. YBrs. Tuan Pengerusi menyarankan supaya Bahagian KEW untuk mengemukakan permohonan pengecualian kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memberi pengecualian dan	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2023 Status : Selesai pada Mesy Bil.2/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		kelonggaran kepada mana-mana pegawai KKDW yang tidak layak dan tidak termasuk di dalam syarat-syarat di dalam SPP Bil. 2 Tahun 2011 untuk membuat tuntutan bayaran balik letak kenderaan. Justifikasi bagi permohonan pengecualian ini adalah berdasarkan bilangan ruang parkir di KKDW yang sangat terhad. Mesy MBJ Bil.2 Tahun 2023 memaklumkan 4.1.1. Bahagian Kewangan telah mengemukakan permohonan pengecualian tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Walau bagaimanapun pihak JPA melalui suratnya bertarikh 10 Mei 2023 menyatakan bahawa permohonan pengecualian berkenaan tidak dapat dipertimbangkan memandangkan isu yang dibangkitkan oleh KKDW merupakan isu yang dialami oleh hampir semua kementerian dan jabatan serta melibatkan implikasi kewangan	
3.	**Cadangan Untuk Menubuhkan Tabung Bantuan Kepada Warga Yang Memerlukan**	Pihak Pekerja memaklumkan bahawa terdapat sebilangan kakitangan yang mengalami masalah kewangan dan sangat memerlukan bantuan untuk meringankan masalah yang dialami oleh mereka; Pihak Pekerja mencadangkan agar satu tabung pinjaman sementara kepada pegawai yang memerlukan atau mengumpulkan sumbangan berbentuk makanan dan barang keperluan asas kepada warga yang memerlukan; Mesyuarat dimaklumkan Kelab Kebajikan dan Sukan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2023 Status : Selesai pada Mesy Bil.3/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		(KKSKKDW) memandang baik akan cadangan untuk mengumpulkan sumbangan berbentuk makanan dan barang keperluan asas kepada warga yang memerlukan. Cadangan ini akan dilaksanakan setelah perbincangan lanjut dengan pihak pekerja bersama Kelab mengenai kaedah pengagihan dan sumber sumbangan; Wakil Bahagian Komuniti Desa (KD) memaklumkan isu ini dibangkitkan berikutan kekerapan pegawai yang diarahkan untuk menjalankan tugas luar secara ad hoc dalam masa sebulan. Ini menyebabkan pegawai mempunyai masalah dari segi kewangan untuk membiaya kos penginapan dan perjalanan jika tugasan ad hoc ini kerap diterima; YBrs. Tuan Pengerusi mencadangkan Bahagian melalui Kelab Bahagian memberi pinjaman bagi membantu pegawai menampung kos penginapan dan perjalanan bagi tugasan tugas ad hoc atau memohon pendahuluan diri dari Bahagian Kewangan; dan Wakil Bahagian Kewangan mencadangkan menggunakan kemudahan Kad Kredit Korporat. Ketua Jabatan boleh membuat permohonan kad Kredit Korporat kepada Bahagian Kewangan untuk kegunaan Bahagian.	

KATEGORI : PENTADBIRAN

JUMLAH ISU/CADANGAN : 6

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	**Penguatkuasaan dan Larangan Merokok Dalam Bangunan KPLB**	Bahagian P telah mendapatkan pandangan daripada Unit Integriti iaitu pihak yang bertanggungjawab mengenai perkara ini sebelum merealisasikan cadangan menyediakan tempat khas "Kawasan Merokok" di bangunan KKDW. Hasil daripada maklumbalas yang diterima, agensi Kerajaan tidak dibenarkan untuk menyediakan apa-apa ruangan merokok di bangunan Kerajaan. (Memo maklumbalas daripada Unit Integriti adalah seperti di Lampiran) YBrs. Tuan Pengerusi meminta semua pegawai patuh kepada arahan larangan merokok memandangkan bangunan Kerajaan telah digazetkan sebagai kawasan larangan merokok.	Dibangkitkan : Mesy. Bil.3/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 1/2023
2.	**Saman Kenderaan Jabatan**	Bahagian P telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha (SPKSU) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Bilangan 1 Tahun 2023 – Garis Panduan Prosedur Operasi Standard Pemandu Kenderaan Jabatan berkuatkuasa pada 5 Januari 2023.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 1/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		Pekeliling ini terpakai kepada semua pemandu termasuk pemandu eksekutif dan pegawai yang diberikan kebenaran untuk memandu kenderaan Jabatan. YBrs Tuan Pengerusi memohon semua pemandu dan pegawai mematuhi SPKSU yang telah dikeluarkan.	
3.	**Cadangan Untuk Menggantikan Kerusi Pegawai**	Pihak pekerja memaklumkan bahawa kerusi pegawai kerap mengalami kerosakan roda (roda pecah) walaupun telah dibuat penggantian baru. YBrs. Tuan Pengerusi bersetuju perabot yang telah usang ditukar baharu. Walau bagaimanapun, perolehan bagi harta modal ini akan dibuat secara berfasa mengikut kelulusan peruntukan yang diluluskan.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 1/2023
4.	**Cadangan Untuk Mengadakan Azan Waktu Maghrib**	Pihak Pekerja mencadangkan agar azan untuk waktu Maghrib juga dapat dimainkan di bangunan KKDW. Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset (P) mengambil maklum dan tiada halangan agar azan untuk waktu Maghrib dapat dimainkan di bangunan KKDW. Bahagian P turut memaklumkan bahawa azan Maghrib tersebut telah mula dipasang pada pertengahan bulan Julai 2023 yang lalu.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2023
5.	**Pemakluman Pencapaian Program di Kementerian**	Selain itu juga, Wakil Skim N turut memohon agar wakil pihak pegawai dapat membuat pemakluman	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		di dalam mesyuarat MBJ pada masa akan datang berkenaan program-program yang telah atau sedang dilaksanakan di kementerian ini serta pencapaian yang telah dicapai. Contohnya memberi taklimat atau pencapaian Program Pertandingan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang telah diadakan baru-baru ini sebagai pemakluman pihak pekerja; YBrs. Tuan Pengerusi memohon agar semua SUB supaya dapat membentangkan dan membuat hebahan bagi pencapaian program-program di Kementerian di dalam Mesyuarat Pengurusan Bahagian masing-masing selain daripada hebahan yang telah dibuat oleh Bahagian ICT melalui emel dan portal Kementerian.	Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2023
6.	**Hebahan Pertukaran Pegawai Keluar Masuk Kementerian Melalui Emel**	Wakil Bahagian KEW memaklumkan sebelum ini ada hebahan pertukaran pegawai keluar masuk dibuat setiap bulan melalui emel kepada warga. Walaubagaimanapun didapati kebelakangan ini tiada lagi emel hebahan tersebut diterima; YBrs. Tuan Pengerusi bersetuju agar hebahan ini dibuat samada melalui portal atau emel. Mesyuarat MBJ Bil. 3/2023 - Hebahan pertukaran keluar dan masuk pegawai bagi bulan September 2023 telah dilaksanakan melalui emel dan portal Kementerian pada 5 Oktober 2023; dan berharap maklumat pertukaran pegawai keluar masuk ini sentiasa dikemaskini untuk makluman semua pegawai.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 3/2023

KATEGORI : SUMBER MANUSIA

JUMLAH ISU/CADANGAN : 4

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	**Cadangan Untuk Mengadakan Semakan Buku Perkhidmatan**	Pihak Pekerja memaklumkan bahawa terdapat cadangan untuk membuat semakan ke atas Buku Perkhidmatan kerana ada maklumat di dalam buku tersebut yang tidak dikemaskini sehinggalah pegawai tersebut keluar dari kementerian ini dan ada juga pegawai yang langsung tidak pernah melihat Buku Perkhidmatan mereka. Bahagian PSM telah mengadakan Program Pengemaskinian Rekod Perkhidmatan Warga KKDW Peringkat Ibu Pejabat Tahun 2023 pada 13 hingga 20 Mac 2023. Program ini merangkumi semakan Buku Rekod Perkhidmatan dan mengemaskini maklumat dalam sistem HRMIS. YBrs. Tuan Pengerusi berharap semua pegawai telah menyemak Buku Rekod Perkhidmatan dan Data Peribadi HRMIS. SUB PSM memaklumkan kepada ahli mesyuarat sekiranya terdapat pegawai yang tidak berkesempatan atau ingin menyemak buku Buku Rekod Perkhidmatan boleh menghantar emel kepada pegawai di Bahagian PSM dan hadir untuk menyemak Buku Rekod Perkhidmatan tersebut pada masa akan datang.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 1/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
2.	**Pegawai Penilai Kedua di dalam HRMIS bagi Pegawai Teknikal di KKDW Negeri**	SUB TEK memaklumkan sesetengah pegawai-pegawai Teknikal terutamanya jurutera, arkitek dan juruukur bahan yang ditempatkan di Pejabat KKDW Negeri yang tidak mengetahui Pegawai Penilai Kedua (PPK) mereka di dalam sistem HRMIS. SUB PSM memohon Bahagian TEK untuk mengemukakan senarai nama-nama pegawai teknikal yang dimaksudkan bagi tujuan semakan lanjut. Mesy MBJ Bil.2 Tahun 2023 - Wakil SUB TEK memaklumkan keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Kader (MTK) JKR Malaysia Bil. 2/2023 yang diadakan pada 18 Mei 2023, pengerusi bersetuju untuk melantik SUB TEK sebagai PPK Sektor Teknikal. YBrs Tuan Pengerusi mohon Bahagian PSM kemukakan senarai nama pegawai-pegawai yang dinilai kepada pihak HRMIS.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 1/2023
3.	**KPI SUBK**	SUB PSM memaklumkan Pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ini merupakan salah satu daripada KPI SUBK. Pelaksanaan MBJ ini termasuk jumlah penyelesaian isu. Pada tahun lepas KPI ini telah mencapai 100%. SUB PSM turut mengucapkan terima kasih kepada wakil-wakil MBJ.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 1/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
4.	**Maklumbalas Mengenai Pengisian Perjawatan Di Bahagian**	Pihak Pekerja memaklumkan bahawa terdapat beberapa kekosongan jawatan yang tidak diisi lebih dari dua (2) tahun seperti: i) FT26 di bahagian ICT ii) M44 di bahagian EK iii) M41 di bahagian KR Pihak Pekerja (wakil bahagian) mencadangkan agar kekosongan jawatan ini diisi dengan segera memandangkan bebanan tugas yang banyak dan menjadi tekanan kepada pegawai yang terpaksa menanggung kerja untuk jawatan yang tidak diisi.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2023 Status : Belum selesai

KATEGORI : KEBAJIKAN

JUMLAH ISU/CADANGAN : 4

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	**Kutipan Yuran Bulanan Kelab Kebajikan dan Sukan KKDW (KKSKKDW)**	Sesi perbincangan bersama dengan Pengerusi dan Setiausaha Kelab Kebajikan dan Sukan KKDW telah diadakan pada 2 Februari 2023.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 1/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		Perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat Agong Tahunan KKSKKDW untuk perbincangan lanjut dan persetujuan semua ahli.	
2.	**Cadangan Untuk Menambah Baik Kaedah Pembayaran Yuran Taska Di KKDW**	Pihak pekerja memaklumkan bahawa bayaran yuran TASKA KKDW adalah secara tunai sahaja.Ada kalanya resit pembayaran tidak diberikan terus kepada ibu bapa selepas pembayaran dibuat dan hanya dicatat di dalam buku. Walau bagaimanapun, ada beberapa kes di mana pembayaran sudah dibuat tetapi tidak dicatatkan / lupa dicatatkan / tiada rekod di dalam buku dan menyebabkan ibu bapa perlu membayar kembali yuran tersebut kerana status pembayaran masih belum dibuat dan tidak dapat dibuktikan status pembayaran. Pihak pekerja ingin mencadangkan agar kaedah pembayaran yuran TASKA KKDW diteliti semula dan menggunakan kaedah pembayaran yang lebih bersesuaian seperti Electronic Fund Transfer (EFT) agar ada rekod di kedua-dua pihak dan tidak perlu menggunakan wang tunai. Bahagian PSM berpandangan isu mengenai kaedah pembayaran yuran TASKA melalui kaedah yang lebih besesuaian perlu dibincangkan dan dibangkitkan diperingkat perjumpaan ibu bapa dan pihak TASKA KEMAS KKDW. Hal ini adalah kerana Bahagian PSM hanya menguruskan dokumen bagi tuntutan bayaran balik subsidi TASKA untuk pegawai yang berkelayakan sahaja.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 1/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		YBrs. Tuan Pengerusi bersetuju isu ini dibawa ke peringkat perjumpaan ibu bapa dengan pihak TASKA KEMAS KKDW bagi membincangkan kaedah pembayaran yang bersesuaian.	
3	**Maklumbalas Mengenai Kemudahan Basikal Untuk Aktiviti Riadah Warga KKDW**	Pihak Pekerja memaklumkan berkenaan dengan kemudahan basikal untuk riadah yang disediakan oleh pihak KKSKKDW adalah tidak mencukupi YBrs. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa beliau tiada halangan sekiranya pihak Kelab mempunyai peruntukan untuk membeli basikal tambahan. Walau bagaimanapun, beliau turut memaklumkan bahawa sekiranya basikal tambahan tersebut diperolehi, maka faktor-faktor lain seperti tempat penyimpan dan kos bagi tujuan pembaikan basikal-basikal tersebut juga perlu diambil kira pada masa hadapan.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2023
4	**Hebahan Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling**	Wakil Skim Perkhidmatan Sosial (S) memaklumkan sejak kebelakangan ini terdapat banyak kes melibatkan kesihatan mental yang direkodkan di hospital; Sehubungan itu, beliau memohon agar setiap SUB dan warga dapat memaklumkan kepada Pegawai Psikologi di Bahagian PSM sekiranya terdapat kakitangan dan warga yang didapati mempunyai ciri-ciri masalah mental supaya dapat datang berjumpa terlebih dahulu dengan Pegawai Psikologi untuk diberikan perkhidmatan kaunseling	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		dan saringan sebelum kesihatan mental kakitangan tersebut menjadi lebih teruk sehingga terpaksa dirujuk kepada pegawai Psikiatri di hospital; Untuk makluman setiap kes akan dirahsiakan dan tidak direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan; dan YBrs. Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut.	

KATEGORI : INOVASI DAN PRODUKTIVITI

JUMLAH ISU/CADANGAN : 4

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	**Cadangan Nama Anugerah Pekerja Contoh**	Pihak Pekerja telah sebulat suara mencadangkan nama baharu untuk Anugerah Pekerja Contoh ditukarkan kepada Anugerah Pekerja Madani (APM). YBrs. Tuan Pengerusi dan ahli mesyuarat bersetuju dengan cadangan nama tersebut.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 1/2023
2.	**Cadangan Untuk Penambahbaikan Sistem Pendaftaran Majlis Dan Seminar (SPMS) KKDW**	Pihak Pekerja memaklumkan bahawa Sistem Pendaftaran Majlis dan Seminar (SPMS) tidak dihubungkan ke Sistem e-Latihan dan HRMIS.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2023 Status :

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		SUB PSM memaklumkan akan berbincang dengan Bahagian ICT dan akan cuba menyelesaikan isu ini sebelum mesyuarat MBJ yang seterusnya. Mesyuarat MBJ Bil.3/2023 - Proses mengintegrasi SPMS dan e-Latihan hanya akan dilakukan pada sistem e-Latihan versi 2.0. Perbincangan lanjut terutama mengenai pembangunan e-Latihan versi 2.0 telah diadakan bersama-bersama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) pada 13 September 2023 (Rabu). BPSM melalui mesyuarat tersebut telah bersetuju supaya e-Latihan sedia ada digunakan sehingga Modul Program Pembangunan Kompetensi HRMIS KKDW dikuatkuasakan penggunaan sepenuhnya. Modul ini mempunyai persamaan dengan SPMS iaitu menyediakan kemudahan permohonan, pendaftaran, sijil kursus, paparan kehadiran dan maklumbalas tawaran kursus. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan BPSM akan mengkaji dan meneliti keperluan pengguna secara berterusan. YBrs. Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya Modul Program Pembangunan Kompetensi HRMIS KKDW tidak dapat memenuhi kehendak pelanggan, proses pembangunan dan integrasi e-Latihan versi 2.0 perlu dilaksanakan.	Selesai pada Mesy. Bil. 3/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
3.	**Inovasi dan Produktiviti**	Wakil Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (N) memaklumkan bahawa isu berkaitan inovasi dan produktiviti jarang diketengahkan dalam mesyuarat ini berbanding isu-isu seperti pentadbiran, kebajikan dan kewangan. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan agar isu berkaitan inovasi dan produktiviti contohnya seperti menambah baik proses kerja serta mengurangkan pembaziran dalam pengurusan pejabat dapat dilihat bersama antara pihak pegawai dan juga pihak pengurusan kementerian; YBrs. Tuan Pengerusi memaklumkan program Anugerah Inovasi dan Produktiviti telah diadakan setiap tahun melibatkan Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu YBrs. Tuan Pengerusi tiada halangan sekiranya pihak pekerja mempunyai idea-idea yang boleh diketengahkan dari segi inovasi, produktiviti dan pendigitalan;	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil.2/2023
4.	**Menu Rahmah**	Wakil Bahagian Komuniti Desa (KD) memaklumkan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) telah mengadakan Menu Rahmah yang dijual di kafetaria KKD; SUB P memaklumkan akan berbincang dengan pihak vendor kafeteria mengenai cadangan penyediaan Menu Rahmah kepada warga KKDW di Kafeteria KKDW. Mesyuarat MBJ Bil.3/2023 - Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset (P) telah mengemukakan permohonan cadangan Menu Rahmah kepada	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil.3/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		Koperasi Luar Bandar Malaysia Berhad melalui surat rujukan KKDW.200/4/2/16(1) bertarikh 11 Ogos 2023 untuk penyediaan di Kafeteria KKDW; Kafeteria Hazny selaku operator kafeteria telah menyediakan Menu Rahmah berharga RM5.00 kepada warga KKDW bermula 1 September 2023 seperti berikut: i. Nasi ayam ii. Nasi ayam cincang iii. Nasi + sayur + ikan Walau bagaimanapun menu tersebut kurang mendapat sambutan dan pihak operator terpaksa mengurangkan kuantiti menu rahmah tersebut dan menambah menu baharu iaitu nasi ayam.	

KATEGORI : HAL-HAL LAIN

JUMLAH ISU/CADANGAN : 5

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	**Domain E-Mel KPLB**	YBhg. Dato' Sri KSU melalui minit MBJ Bilangan 3 Tahun 2022 yang lalu telah meminta Bahagian ICT meneliti isu ini dengan membuat kajian/ laporan terlebih dahulu seterusnya mengemukakan hasil	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2022 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 1/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		kajian/ laporan tersebut kepada pihak pengurusan untuk dinilai secara menyeluruh. Mesy Bil.1/2023 - Bahagian ICT telah menyediakan dan membentangkan laporan berkaitan dalam Mesyuarat Pengurusan Sektor Khidmat Pengurusan Bil 1/2023. Mesyuarat berpandangan bahawa penggunaan domain e-mel KKDW sedia ada iaitu rurallink.gov.my adalah lebih realistik dengan mengambil kira tempoh masa yang diperlukan untuk menukar domain serta isu-isu yang akan berbangkit semasa dan selepas proses pertukaran domain. Selaras dengan itu, YBrs. Tuan Pengerusi bersetuju untuk mengekalkan domain e-mel KKDW sedia ada iaitu rurallink.gov.my.	
2.	**Pindaan Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) KKDW**	Pindaan Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) KKDW seperti berikut: i) Kementerian Pembangunan Luar Bandar ditukar kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah; ii) Bahagian Pelaburan dan Kawal Selia Anak Syarikat (PSA) ditukar kepada Bahagian Korporat Dan Pembangunan Kemahiran (K); dan	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		iii) Bahagian Pembangunan Keusahawanan Desa ditukar kepada Bahagian Pembangunan Usahawan Desa. Mesy MBJ Bil.2 Tahun 2023 - Pindaan Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) KKDW telah diluluskan oleh JPA pada 18 April 2023 dan telah dimuatnaik di dalam portal KKDW pada 19 Jun 2023.	
3.	**Mesyuarat MBJ di Luar Pejabat**	YBrs. Tuan Pengerusi mencadangkan supaya Mesyuarat MBJ berikutnya dapat dilaksanakan di luar pejabat, namun pihak urus setia perlulah menyemak program-program rasmi Kementerian yang dilaksanakan di luar KKDW supaya boleh diselaraskan dengan mesyuarat MBJ bagi memaksimumkan jadual program dan *value for money.*	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2023
4.	**Mesyuarat MBJ di Luar Pejabat**	Wakil Bahagian KEW memohon agar mesyuarat MBJ yang akan datang dilaksanakan di luar pejabat memandangkan pihak pekerja siri 2022/2023 akan tamat 31 Disember 2023; Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa perancangan untuk melaksanakan mesyuarat di luar pejabat ini akan dilaksanakan pada Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2023 yang akan datang.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2023 Status : Selesai pada Mesy. Bil. 2/2023

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
5.	**Cadangan Mengenai Perokok Tegar Di Bangunan KKDW**	Pihak Pekerja memaklumkan berkenaan perokok yang masih lagi merokok di laluan tangga di Aras 5 sehingga Aras 8 di dalam bangunan KKDW. Bau asap rokok juga masuk ke ruangan pejabat dan baunya kurang menyenangkan warga kerja di aras yang berkenaan; YBrs. Tuan Pengerusi memohon agar semua SUB mengeluarkan peringatan larangan merokok di tangga kepada setiap kakitangan di Bahagian masing-masing; dan YBrs. Tuan Pengerusi juga turut menyarankan agar Unit Integriti mengeluarkan email peringatan kepada setiap warga Kementerian berkenaan larangan merokok di kawasan pejabat dan bersetuju supaya Unit Integriti menyelaras lawatan mengejut bersama pihak KKM.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2023 Status : Belum selesai

Disediakan oleh:

Urus Setia Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
(Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)